

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

Rancangan Diploma Teknologi Makmal

DTM 234/2 - Keelektrikan, Kemagnetan dan Elektronik Asas

Masa: [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua EMPAT soalan. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Pemalar-pemalar:

$$\epsilon_0 = 8.8542 \times 10^{-12} \text{ Fm}^{-1}$$

$$\frac{1}{4\pi\epsilon_0} = 9.0 \times 10^9 \text{ Nm}^2/\text{C}^2$$

$$\mu_0 = 4\pi \times 10^{-7} \text{ Hm}^{-1}$$

$$e = -1.6 \times 10^{-19} \text{ C}$$

1. (a) Perihalkan dengan ringkas:

- (i) Permukaan Keupayaan Setara
- (ii) Fluks Elektrik.


(20/100)

(b) Tiga cas titik q_1, q_2, q_3 terletak sepanjang paksi-x.

- (i) Dapatkan Medan Elektrik pada titik P.
- (ii) Jika suatu cas $q' = 1 \text{ nC}$ diletakkan di titik P, dapatkan tenaga keupayaan q' .

.../2-

- 2 -



Rajah 1

(40/100)

- (c) Suatu arus 5.0 A mengalir melalui suatu rod logam yang lurus bergarispusat 30 mm. Rod itu panjangnya 2.0 m dan bezakeupayaan di antara dua hujungnya adalah 40 V. Dapatkan:

- (i) ketumpatan arus
- (ii) medan elektrik
- (iii) kerintangan
- (iv) rintangan


bagi rod tersebut.

(40/100)

.../3-

- 3 -

2. (a) Terbitkan persamaan-persamaan untuk suatu proses pengecasan litar R-C danuraikan proses tersebut secara kuantitatif.




Rajah 2

(40/100)

- (b) Nyatakan Hukum Kirchhoff.

(10/100)

- (c) (i) Dapatkan arus dalam setiap perintang serta nilai ϵ bagi Rajah 3.




Rajah 3

(50/100)

.../4-

- 4 -

3. (a) Berikan perbezaan di antara kesan medan elektrik dan medan magnet terhadap suatu cas yang bergerak. (15/100)
- (b) Rajah 4 menunjukkan dua pengkonduksi selari.



Rajah 4

- (i) Dapatkan medan magnet pada titik P.
 (ii) Semasa melalui titik P, suatu elektron bergerak dengan laju $2 \times 10^5 \text{ m/s}$ dalam arah positif paksi-y. Dapatkan arah dan magnitud daya ke atas elektron tersebut.
 (iii) Terangkan bentuk lintasan elektron selepas melalui titik P. (50/100)
- (c) Terangkan maksud d.g.e. swa aruhan. (10/100)
- (d) Suatu solenoid 2000 lilitan dan 30 cm panjang mempunyai luas keratan rentas 1.5 cm^2 . Dapatkan:
 (i) induktans solenoid.
 (ii) d.g.e. purata teraruh dalam solenoid jika arus dikurangkan dari 0.6 A ke 0.1 A dalam masa 0.03 s . (25/100)


- 5 -

4. (a) Nyatakan Hukum Lenz. Apakah kaitannya dengan Hukum Keabadian Tenaga.

(20/100)

- (b) Suatu gelung dawai 10 lilitan berjejari r , 50 mm, berada dalam suatu medan magnet yang magnitudnya berubah dari 0 hingga 8 T dalam masa 3 s. Jika rintangan dawai adalah 2Ω , dapatkan

- (i) d.g.e. teraruh
- (ii) arus teraruh
- (iii) arah arus.



Rajah 5

(50/100)

- (c) Suatu talian bekalan elektrik 120 V (ppk) dihubungkan dengan suatu sistem lampu 8 V (ppk) melalui sebuah transformer. Rintangan jumlah sistem lampu itu adalah 4Ω .

- (i) Dapatkan nisbah lilitan primer dan lilitan sekunder transformer.
- (ii) Berapakah arus ppk yang lilitan primer mesti bekalkan?
- (iii) Berapakah kuasa purata yang dibekalkan kepada beban?

(30/100)